

Usul (54) Riwayat-riwayat yang menyatakan Khadhir pernah bertemu secara bersemuka dengan mana-mana sahabat Nabi s.a.w. atau mana-mana sahabat mendengar suaranya sahaja tanpa nampak susuk tubuhnya tidak ada satu pun sahih, semuanya maudhu'. Demikian juga dengan riwayat-riwayat dan hikayat-hikayat yang menyatakan Khadhir pernah bertemu dengan imam-imam mujtahidīn tertentu seperti Abu Hanifah atau tokoh-tokoh tertentu seperti Ibrahim at-Taimi dan lain-lain.

Contoh-contohnya boleh ditemui dengan banyak khususnya di dalam kitab-kitab hadits maudhu'. Antaranya:

Contoh Pertama:

أَتَيْنَا أَبُو مُحَمَّدٍ عَبْدَ اللَّهِ بْنَ أَحْمَدَ بْنَ عُمَرَ وَهَبَهُ اللَّهُ بْنَ أَحْمَدَ بْنَ مُحَمَّدٍ قَالَا أَنَا أَبُو الْحَسَنِ بْنُ أَبِي الْخَدِيدِ أَنَا عَبْدُ الرَّحْمَنِ بْنُ عُثْمَانَ بْنِ الْقَاسِمِ أَنَا أَبُو عَلِيٍّ الْحَسَنِ بْنُ حَبِيبٍ نَا أَبُو عَبْدِ الْمَلِكِ الْقُرَشِيُّ نَا أَبُو الطَّاهِرِ أَحْمَدُ بْنُ السَّرْحِ نَا عَبْدُ اللَّهِ بْنُ وَهْبٍ عَنْ مَنْ حَدَّثَهُ عَنْ ابْنِ عَجَلَانَ عَنْ مُحَمَّدِ بْنِ السُّكَيْرِ قَالَ: بَيْنَمَا عُمَرُ بْنُ الْخَطَّابِ يُصَلِّي عَلَى جَنَازَةٍ إِذَا بِهَاتِفٍ يَهْتَفُ مِنْ خَلْفِهِ: لَا تَسْبِقُنَا بِالصَّلَاةِ يَرْحَمُكَ اللَّهُ! فَانْتَظَرَهُ حَتَّى لَحِقَ بِالصَّفِّ، فَكَبَّرَ عُمَرُ وَكَبَّرَ مَعَهُ الرَّجُلُ، فَقَالَ الْهَاتِفُ: إِنْ تُعَذِّبُهُ فَكَثِيرٌ عَصَاكَ، وَإِنْ تَغْفِرَ لَهُ فَقَلِيلٌ إِلَى رَحْمَتِكَ! فَنَظَرَ عُمَرُ وَأَصْحَابُهُ إِلَى الرَّجُلِ، فَلَمَّا نَفَنَ الْمَيِّتَ وَسَوَّى الرَّجُلُ عَلَيْهِ مِنْ تَرَابِ الْقَبْرِ قَالَ: طُوبَى لَكَ يَا صَاحِبَ الْقَبْرِ إِنْ لَمْ تَكُنْ عَرِيفًا أَوْ جَانِبًا أَوْ خَازِنًا أَوْ كَاتِبًا أَوْ شَرِيطًا! فَقَالَ عُمَرُ: خُذُوا إِلَى الرَّجُلِ، سَأَلَهُ عَنْ صَلَاتِهِ وَكَلَامِهِ هَذَا وَمَنْ هُوَ، فَتَوَارَى عَنْهُمْ، فَنَظَرُوا فَإِذَا أَثَرُ قَتْمِهِ ذِرَاعٌ، فَقَالَ عُمَرُ: هَذَا وَاللَّهِ الْخَضِرُ الَّذِي حَدَّثَنَا عَنْهُ النَّبِيُّ -صَلَّى اللَّهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ-".

Bermaksud: (Pernah) Ketika 'Umar (hendak) menyambahyangkan satu jenazah, tiba-tiba beliau terdengar satu suara pemanggil yang tidak kelihatan dari belakangnya (katanya): "Janganlah engkau mendahuluiku menyembahyangkan jenazah (ini) – semoga engkau dirahmati Allah - , maka 'Umar menunggunya sehingga dia masuk ke dalam saf, lalu 'Umar bertakbir, dan bertakbirlah bersamanya orang itu. Kemudian kedengaran orang itu berkata: "Jika Engkau menyiksanya, maka banyaklah ma'shiatnya terhadapMu. Dan jika Engkau mengampunkannya, maka sangatlah ia memerlukan kepada rahmatMu." Maka 'Umar dan para sahabatnya memandang kepada orang itu. Setelah selesai mayat dikebumikan dan orang itu meratakan tanah di atas kubur, (tiba-tiba) dia berkata: "Bertuahlah engkau wahai tuan kubur jika engkau bukan ketua, pemungut cukai, bendahari, kerani atau polis". Kemudian 'Umar berkata, "Bawakan orang itu kepadaku, untuk kita tanya dia tentang sembahyangnya, ucapannya dan siapa dia (sebenarnya)." Lantas orang itu hilang dari penglihatan mereka. Apa yang mereka nampak hanyalah kesan tapak kakinya kadar sehasta (panjangnya). Ketika itu

berkatalah 'Umar: "Orang ini demi Allah adalah Khadhir yang pernah diceritakan oleh Rasulullah s.a.w. tentangnya kepada kami."

Rujukan:

Ibnu 'Asākir – Tārīkh Dimasyq j.16 m/s 424-425, Ibnu al-'Adīm – Bughyatu at-Thalab Fi Tārīkhī Ḥalab j.7 m/s 3302, Ibnu Katsīr – al-Bidāyah Wa an-Nihāyah j.2 m/s 259, as-Suyūthī – Jam' u al-Jawāmi' (al-Jāmi' al-Kabīr) j.16 m/s 379-380, 'Ali al-Muttaqi al-Hindi – Kanzul 'Ummāl j.14 m/s 14-15, Hafizh Ibnu Hajar – az-Zahru an-Nadhir m/s 122 & al-Ishābah Fi Tamyīz as-Shahābah j.2 m/s 270.

Komentar:

(1) Atsar di atas dengan sanad yang dikemukakan bersamanya adalah berdasarkan riwayat Ibnu 'Asākir di dalam Tārīkh Dimasyq.

(2) Setelah mengemukakan atsar itu Ibnu Katsīr menulis di dalam al-Bidāyah Wa an-Nihāyah begini (maksudnya): "Selain terdapat perawi yang samar (tidak jelas siapa orangnya), ia juga terputus. Hadits seperti ini tidak sah." (Lihat al-Bidāyah Wa an-Nihāyah j.2 m/s 259).

(3) Setelah mengemukakannya Hafizh Ibnu Hajar di dalam al-Ishābah dan az-Zahru an-Nadhir menukilkan kata-kata Ibnu al-Jauzi tentangnya: "Di dalam sanadnya terdapat perawi majhūl dan ia terputus di antara Muhammad bin al-Munkadir dan (Saiyyidina) 'Umar. (Lihat al-Ishābah j.2 m/s 270, az-Zahru an-Nadhir m/s 121-122).

(4) Demikianlah atsar itu dilihat dari sudut riwayat dan sanadnya. Jika dilihat dari sudut dirayah pula, maka lebih teruk lagi keadaannya. Ia tidak akan dapat bertahan walaupun sebagai hadits dha'if sangat.

(5) Khadhir selalu juga ditampilkan sebagai seorang yang tidak kelihatan susuk tubuhnya, tetapi suaranya sahaja yang kedengaran kepada orang tertentu. Dalam keadaan ini dia menjadi seperti makhluk halus (jin, malaikat dan lain-lain) yang dapat menjelma dalam berbagai rupa dan dalam sekelip mata sahaja boleh hilang dari pandangan mata kasar orang ramai.

Apa yang menghairankan ialah tidak ada manusia lain bersifat begitu, termasuk nabi-nabi dan rasul-rasul sekalipun. Sifat-sifat seperti itu lebih sesuai adanya pada makhluk-makhluk halus, lalu tentu sekali timbul bermacam-macam persoalan. Antaranya ialah adakah Khadhir itu bukan manusia, bahkan dia dari kalangan jin atau dari kalangan malaikat?

(6) Jika diterima pendapat kebanyakan 'ulama' yang mengatakan Khadhir manusia, sama ada sebagai seorang nabi atau wali, maka bukan begitu sifat manusia. Manusia biasa tentu mempunyai tubuh kasarnya, ia dapat dilihat, dapat dipegang dan tidak dapat mengghaibkan diri sesuka hati dengan serta-merta.

(7) Ya, memanglah nabi-nabi dan rasul-rasul dikurniakan mu'jizat, sesuatu yang menarik adat, tetapi mu'jizat bukanlah sesuatu yang diperolehi mereka sekehendak hati. Ia bukan seperti polis yang sedang bertugas, di mana pistol sentiasa ada bersamanya. Bila saja diperlukan, senjata itu boleh terus diguna!

Mu'jizat juga tidak mengehuarkan seseorang nabi atau rasul daripada hakikat kemanusiaannya. Ia semata-mata kurniaan Allah, langsung tidak ada peranan ikhtiar dan pilihan manusia padanya. Apabila Allah berkehendak, maka berlakulah ia pada seseorang nabi atau rasul dengan kuasa dan izin Allah.

Kedudukan mu'jizat yang dikurniakan kepada seseorang nabi atau rasul itu diceritakan sendiri oleh Allah di dalam al-Qur'an seperti berikut:

أَلَمْ يَأْتِكُمْ نَبُؤُا الَّذِينَ مِنْ قَبْلِكُمْ قَوْمِ نُوحٍ وَعَادٍ وَثَمُودَ وَالَّذِينَ مِنْ بَعْدِهِمْ لَا يَعْلَمُهُمْ إِلَّا اللَّهُ جَاءَتْهُمْ رُسُلُهُمْ بِالْبَيِّنَاتِ فَرَدُّوا أَيْدِيَهُمْ فِي أَقْوَاهِمُ وَقَالُوا إِنَّا كَفَرْنَا بِمَا أُرْسِلْتُمْ بِهِ وَإِنَّا لَفِي شَكٍّ مِمَّا تَدْعُونَنَا إِلَيْهِ مُرِيبٍ ۝ قَالَتْ رُسُلُهُمْ أَفِي اللَّهِ شَكٌّ فَاطِرِ السَّمَوَاتِ وَالْأَرْضِ يَدْعُوكُمْ لِيَغْفِرَ لَكُمْ مِنْ ذُنُوبِكُمْ وَيُخْرِجَكُمْ إِلَى أَجَلٍ مُسَمًّى قَالُوا إِنَّ أَنْتُمْ إِلَّا بَشَرٌ مِثْلُنَا تُرِيدُونَ أَنْ تَصُدُّونَا عَمَّا كَانَ يَعْبُدُ آبَاؤُنَا فَأَثْبِتُوا بِسُلْطَانٍ مُبِينٍ ۝ قَالَتْ لَهُمْ رُسُلُهُمْ إِنْ نَحْنُ إِلَّا بَشَرٌ مِثْلُكُمْ وَلَكِنَّ اللَّهَ يَمُنُّ عَلَىٰ مَنْ يَشَاءُ مِنْ عِبَادِهِ وَمَا كَانَ لَنَا أَنْ نَأْتِيَكُمْ بِسُلْطَانٍ إِلَّا بِإِذْنِ اللَّهِ وَعَلَى اللَّهِ فَلْيَتَوَكَّلِ الْمُؤْمِنُونَ

۝

Bermaksud: (Mengapa kamu masih berdegil) bukankah telah datang kepadamu khabar berita orang-orang yang terdahulu daripadamu, iaitu kaum Nabi Nuh, dan Aad juga

Thamud serta orang-orang yang kemudian daripada mereka? Tiada sesiapaupun yang mengetahui bilangan mereka melainkan Allah. Mereka telah didatangi oleh rasul-rasul mereka dengan membawa keterangan-keterangan yang nyata, lalu mereka meletakkan tangan mereka ke mulut mereka sambil berkata: "Sesungguhnya kami kufur ingkarkan apa yang - mengikut da'waan kamu - kamu diutus membawanya, dan sesungguhnya kami adalah dalam keadaan yang meragukan terhadap iman dan tauhid yang kamu ajak kami kepadanya". (9)

Rasul-rasul mereka bertanya: "Patutkah berlakunya sebarang keraguan tentang wujudnya Allah, yang menciptakan langit dan bumi? Dia (Allah) menyeru kamu beriman kerana hendak membersihkan dan melepaskan kamu dari dosa-dosa kamu, dan memberi tempoh kepada kamu hingga ke suatu masa yang tertentu." Mereka menjawab: "Kamu tidak lain hanyalah manusia seperti kami. Kamu bertujuan hendak menyekat kami daripada menyembah apa yang telah disembah oleh datuk nenek kami. Oleh itu, bawalah kepada kami satu bukti yang jelas nyata". (10).

Rasul-rasul mereka berkata kepada mereka: "Kami ini tidak lain hanyalah manusia seperti kamu juga, tetapi Allah melimpahkan kurniaNya kepada sesiapa yang dikehendakiNya dari hamba-hambaNya; dan kami tiadalah berkuasa membawa kepada kamu sebarang bukti (mu'jizat) melainkan dengan izin Allah. Dan dengan yang demikian maka kepada Allah jualah hendaknya orang-orang yang beriman berserah diri. (11). (Ibrahim:9-11).

Setelah menyatakan permintaan dan tuntutan orang-orang kafir terhadap Rasulullah s.a.w. supaya menunjukkan mu'jizat-mu'jizat yang pelik-pelik dan aneh-aneh, melalui ayat 90 hingga 93 Surah al-Isrā', Allah pula di hujung ayat ke-93 hanya memerintahkan RasulNya begini:

... قُلْ سُبْحَانَ رَبِّيَ هَلْ كُنْتُ إِلَّا بَشَرًا رَسُولًا ﴿٩٣﴾

Bermaksud: ... Katakanlah (wahai Muhammad): "Maha Suci Tuhanku! Bukankah aku ini hanya seorang manusia yang menjadi Rasul?" (al-Isrā':93).

(8) Sejarah kehidupan Rasulullah s.a.w. dan perjuangannya tidak tersembunyi kepada para pengkaji. Baginda menghadapi cabaran dan gangguan daripada pihak musuh di sepanjang hayat. Pernah ketika berda'wah di Thā'if Rasulullah s.a.w. dilontari dengan

batu-batu. Ketika sedang bersujud di hadapan Ka'bah pula perut unta diletakkan di atas belakang baginda. Semua gangguan mereka dihadapi baginda dengan penuh sabar.

Ketika hendak berhijrah ke Madinah pula segala langkah ikhtiar dan persiapan telah diambil oleh Rasulullah s.a.w. seperti seorang manusia biasa. Segala daya dan upaya dikerahkan demi menyelamatkan diri daripada ditangkap oleh musuh yang sedang mengamuk.

Tidak pula diketahui daripada mana-mana kitab Sirah bahawa ketika diserang oleh pihak musuh, Nabi s.a.w. tiba-tiba hilang dari penglihatan mereka. Semasa bercakap dengan para sahabat atau orang-orang kafir, kadang-kadang berlaku juga suara Nabi s.a.w. sahaja yang kedengaran, sementara tubuh kasanya pula tidak kelihatan!

Begitulah keadaan penghulu sekalian rasul dan penutup sekalian nabi. Sepatutnya lebih banyaklah berlaku padanya keajaiban dan perkara yang mencarik adat berbanding pada Khadhir. Tetapi lihatlah riwayat-riwayat yang mengisahkan tentang Khadhir, hampir-hampir tidak ada satu pun daripadanya yang tidak mengandungi keajaiban!

Suaranya sahaja yang kedengaran, sementara tubuh kasanya ghaib, tidak kelihatan, itu perkara yang selalu berlaku dan tidak asing kepada Khadhir!!

(9) Bagi orang-orang yang menganggap Khadhir bukan seorang nabi tetapi hanya seorang wali, maka segala keajaiban yang berlaku kepadanya tidak boleh dipercayai sebagai mu'jizat lagi, malah ia paling tinggi pun hanyalah keramat.

Keramat sebenarnya adalah suatu kurniaan Allah kepada seseorang hamba yang saleh dan disayangiNya sebagai penghormatan kepadanya. Allah kadang-kadang memberikan penghormatan berupa keramat itu kepada hamba-hambaNya yang tertentu. Bagaimanapun ia bukanlah milik mutlaq mana-mana waliyyullah. Bukan juga ia berlaku dengan kehendak dan pilihannya sepanjang masa.

(10) Perbezaan di antara mu'jizat dan keramat ialah mu'jizat merupakan suatu yang pasti dan diyakini seperti pasti dan diyakininya kenabian seseorang nabi. Apabila berlaku perkara ajaib, luar biasa atau mencarik adat pada seseorang nabi, wajiblah ia dipercayai sebagai mu'jizatnya.

Kedudukan keramat pada seseorang wali pula tidaklah sampai ke tahap itu. Walaupun kewujudan auliya' dan orang-orang yang dikasihi Allah secara umumnya diterima, namun anda tidak harus menda'wa orang tertentu secara khusus sebagai wali Allah. Malah wali sebenar sendiri pun tidak mengetahui dirinya wali, lalu bagaimana ia akan menda'wa dirinya wali Allah?

Berbeza keadaannya seorang nabi atau rasul. Mempercayainya dan membenarkannya sebagai nabi atau rasul adalah sebahagian daripada iman. Nabi atau rasul sendiri bahkan, sebelum orang-orang lain, wajib mempercayai dirinya seorang nabi atau rasul.

(11) Jika riwayat di atas diperhatikan dengan saksama, anda akan dapati di dalamnya tersebut Saiyyidina 'Umar terdengar satu suara pemanggil yang tidak kelihatan dari belakangnya. Soalnya ialah adakah suara itu hanya didengari Saiyyidina 'Umar seorang sahaja atau ia didengari juga oleh orang-orang lain? Zahirnya menunjukkan ia hanya didengari Saiyyidina 'Umar sahaja!

Tetapi kemudian apabila orang itu berkata: "Jika Engkau menyiksanya, maka banyaklah ma'shiatnya terhadapMu. Dan jika Engkau mengampunkannya, maka sangatlah ia memerlukan kepada rahmatMu." Zahirnya perkataan ini tidak didengari Saiyyidina seorang sahaja, malah ia didengari juga oleh orang-orang lain, kerana setelah dia berkata begitu, bukan Saiyyidina 'Umar seorang sahaja yang memandang kepadanya, orang-orang lain juga turut memandangnya.

Bukankah ini suatu keajaiban? Baru sekejap suaranya hanya didengari 'Umar, dan susuk tubuh tuannya pula tidak kelihatan, tiba-tiba dia kelihatan berada di dalam saf. Menurut sesetengah riwayat dia berada dalam saf pertama. Suaranya didengari oleh semua yang ada berhampiran dengannya, susuk tubuhnya juga kelihatan. Dia telah dilihat agak lama sehingga jenazah selesai dikebumikan. Dia sendiri bahkan telah terlibat dalam pengebumiannya.

Tetapi selepas itu apabila 'Umar meminta supaya dia dibawakan kehadapannya, tiba-tiba saja dia ghaib!

(12) Di dalam riwayat itu tersebut bekas tapak kakinya kelihatan lebih kurang sehasta panjangnya. Orang yang kesan tapak kakinya kira-kira sehasta, tentu sekali ganda lebih tinggi daripada orang-orang lain. Tentu sekali kehadhirannya menjadi buah mulut

orang-orang yang menyaksikannya. Tetapi tidak ada sesiapa pun yang sempat melihatnya sebelum ia ghaib menyebutkan tingginya yang luar biasa. Saiyyidina 'Umar adalah antara sahabat Rasulullah s.a.w. yang terkenal lebih tinggi daripada orang-orang lain, namun tidak ada sesiapa pun berkata ia jauh lebih tinggi daripada 'Umar.

(13) Apa maksud kata-katanya di dalam riwayat itu: "Bertuahlah engkau wahai tuan kubur jika engkau bukan ketua, pemungut cukai, bendahari, kerani atau polis"? Apakah teruk sangat keadaan orang-orang yang disebutkan itu? Melihat kepada jenazah yang disemadikan oleh Saiyyidina 'Umar, tentulah ia orang di zaman sahabat masih ramai. Bukankah 'Umar sendiri juga ketua negara dan pemerintahan Islam? Apakah di zaman 'Umar tidak ada pemungut cukai, bendahari, kerani dan polis? Jika semuanya ada, maka apakah semua mereka atau katakan sebahagian besar daripada mereka teruk sangat, sehingga ia berkata begitu?

Sesungguhnya tersirat di sebalik kata-kata itu kebencian yang tersembunyi pereka cerita ini terhadap pemerintahan Saiyyidina 'Umar. Ia sebenarnya hendak menista dan mencela pemerintahan beliau!

(14) Bagaimana akhirnya 'Umar berani bersumpah dengan nama Allah bahawa orang itu Khadhir sebagaimana - kononnya - diceritakan oleh Rasulullah s.a.w. Di mana cerita Rasulullah s.a.w. itu di dalam hadits-hadits sahih atau hasan? Apakah Rasulullah s.a.w. telah menceritakan begitu sifat Khadhir? Sekali nyata sekali ghaib, sekali pula suaranya sahaja yang kedengaran??

Contoh Kedua:

أَنْبَأَنَا أَبُو مُصْنُورٍ الْقَزَازِ قَالَ أَنْبَأَنَا أَبُو بَكْرِ أَحْمَدُ بْنُ عَلِيٍّ قَالَ أَخْبَرَنِي مُحَمَّدُ بْنُ الْحُسَيْنِ الْأَزْرَقِيُّ قَالَ حَدَّثَنَا أَبُو سَهْلٍ أَحْمَدُ بْنُ مُحَمَّدٍ بْنُ زِيَادٍ قَالَ حَدَّثَنَا أَحْمَدُ بْنُ حَرْبٍ النَّيْسَابُورِيُّ قَالَ حَدَّثَنَا عَبْدُ اللَّهِ بْنُ الْوَلِيدِ الْعَدَنِيُّ عَنْ مُحَمَّدِ بْنِ الْهَرَوِيِّ عَنْ سُفْيَانَ الثَّوْرِيِّ عَنْ عَبْدِ اللَّهِ بْنِ مُخْرَزٍ عَنْ يَزِيدَ بْنِ الْأَصْنَمِ عَنْ عَلِيِّ بْنِ أَبِي طَالِبٍ أَنَّهُ قَالَ " بَيْنَمَا أَنَا أَطُوفُ بِالْبَيْتِ إِذَا بِرَجُلٍ مُتَعَلِّقٍ بِأَسْتَارِ الْكَعْبَةِ، وَهُوَ يَقُولُ: يَا مَنْ لَا يَشْغَلُهُ سَمْعٌ عَنْ سَمْعٍ، يَا مَنْ لَا تُغْلِطُهُ الْمَسَائِلُ، يَا مَنْ لَا يَتَبَرَّمُ بِالْخِصَامِ السُّلْخِيِّ، أَنْقَضِي بَرْدَ عَفْوِكَ وَحِلَاوَةَ رَحْمَتِكَ. قُلْتُ: يَا عَبْدَ اللَّهِ أَعَدَّ الْكَلَامَ قَالَ: أَوْ سَمِعْتَهُ؟ قُلْتُ: نَعَمْ. قَالَ: وَالَّذِي نَفْسُ الْخَضِرِ بِيَدِهِ وَكَانَ الْخَضِرُ هَؤُلَاءِ لَا يَقُولُهُنَّ عَدَدُ دَبْرِ الصَّلَاةِ الْمَكْتُوبَةِ [أَحَدٌ] إِلَّا غُفِرَتْ ذُنُوبُهُ وَإِنْ كَانَتْ مِثْلَ رَمْلِ عَالِجٍ وَعَدَدِ الْمَطَرِ وَوَرَقِ الشَّجَرِ ".

Bermaksud: Diriwayatkan daripada 'Ali bin Thālib bahawa beliau berkata, "Pernah ketika aku sedang bertawaf di Baitillah, tiba-tiba aku ternampak seorang laki-laki

sedang bergantung di kelambu Ka'bah sambil dia mengucapkan: "Wahai Tuhan yang pendengarannya tidak terganggu kerana mendengar. Wahai Tuhan yang tidak tersalah oleh banyaknya permintaan (orang). Wahai Tuhan yang tidak jemu dengan desakan orang-orang yang meminta dengan mendesak-desak. Biarlah aku merasai kesejukan keampunanMu dan kemanisan rahmatMu."

Aku (pun) berkata, "Wahai hamba Allah, ulangi apa yang engkau ucapkan tadi." Dia kembali bertanya, "Apakah engkau telah mendengarnya?" Jawabku, "Ya." Katanya: "Demi Tuhan yang nyawa Khadhir berada di tanganNya – dan dia adalah Khadhir – tidak ada siapa pun mengucapkannya selepas sembahyang fardhu melainkan dosa-dosanya diampunkan, walaupun sebanyak pasir 'Aaliy, sebanyak tetesan hujan dan sebanyak daun-daun di pokok-pokok."

Rujukan:

Ibnu al-Jauzi – al-Maudhū'āt j.1 m/s 198, Qawwām as-Sunnah – at-Targhīb Wa at-Tarhīb j.2 m/s 115, Ibnu Katsīr – al-Bidāyah Wa an-Nihāyah j.2 m/s 259-260, al-Khathīb al-Baghdādī – Tārīkh Baghdād j.4 m/s 118, Ibnu 'Asākir -Tārīkh Dimasyq j.16 m/s 426, as-Suyūthī – al-La'ālī' al-Mashnū'ah j.1 m/s 154 & ad-Durru al-Mantsūr j.5 m/s 432, Hafizh Ibnu Hajar - al-Ishābah j.2 m/s 320-321 & az-Zahru an-Nadhir m/s 125-126, Ibnu Abi ad-Dunya – al-Hawātif m/s 52, Ibnu 'Arrāq – Tanzīh asy-Syarī'ah al-Marfū'ah j.1 m/s 235.

Komentar:

(1) Contoh kedua di atas adalah atsar yang diriwayatkan daripada 'Ali bin Abi Thālib. Dengan sanad tersebut ia dikemukakan oleh Ibnu al-Jauzi di dalam al-Maudhū'āt-nya. Setelah mengemukakannya Ibnu al-Jauzi berkata, "Ini adalah hadits yang tidak sahih. Muhammad bin al-Harawī majhūl. Ibnu Muḥarrar (Muḥriz) matrūk. Ahmad berkata, "Orang ramai (para 'ulama' hadits) telah meninggalkan hadits 'Abdullah bin Muḥarrar (Muḥriz). Ibnu al-Munādi pula berkata, "Aku telah menemuinya. Tahi unta lebih baik lagi bagiku daripadanya."

(2) Ḥāfizh Ibnu Katsīr di dalam al-Bidāyah Wa an-Nihāyah berkata, "Riwayat ini tidak sahih, kerana 'Abdullah bin Muḥarrar matrūk. Yazid bin al-Asham pula tidak tsabit bertemu dengan 'Ali.

(3) Setelah menukilkannya dengan sanad yang lain dan lafaz yang sedikit berbeza Hāfīzh Ibnu Katsīr di dalam kitab yang sama berkata, "Tidak ada satu pun sanadnya sahih. Ada yang terputus sanadnya dan ada juga yang terdiri daripada perawi-perawi majhūl."

(3) Para 'ulama' hadits mengatakan tidak ada satu pun hadits atau atsar yang sahih menyebut ada sahabat tertentu telah bertemu dengan Khadhir secara berhadapan dan telah melihatnya. Atsar ini pula menampakkan Saiyyiduna 'Ali telah nampak tubuh kasar Khadhir, maka secara mudah dapat dipastikan ia tidak sahih bahkan maudhu'.

(4) Cukub besar fadhilat membaca atau mengucapkan apa yang kononnya diajarkan oleh Khadhir itu. Soalnya kenapa Nabi s.a.w. sendiri tidak mengajarnya kepada 'Ali atau kepada sahabat-sahabat yang lain. Atau adakah Nabi s.a.w. sendiri tidak pernah membacanya (mengucapkannya)? Adakah Nabi s.a.w. tidak diberitahu Allah tentang kelebihanannya seperti Dia memberitahu tentangnya kepada Khadhir?

(5) Di dalam hadits-hadits sahih tersebut wirid-wirid, zikir-zikir dan doa-doa Rasulullah s.a.w. selepas shalat fardhu. Tersebut juga apa yang diajar oleh baginda kepada sahabat-sahabatnya, tetapi tidak pula yang ini tersebut sebagai salah satu doa atau zikir yang diajarkan. Bukan di dalam hadits sahih sahaja tiada, bahkan di dalam hadits-hadits dha'if pun tiada!

(6) Dengan adanya hadits-hadits atau atsar-atsar seperti ini Rasulullah s.a.w. seolah-olahnya tidak menyampaikan kepada umatnya semua sekali apa yang diperlukan oleh mereka berupa ibadat yang mempunyai fadhilat yang sangat besar seperti itu. Ada orang lain lagi yang akan menyampaikan kepada umatnya apa yang diperlukan mereka. Soalnya pernahkah Nabi s.a.w. menyebutkan atau mengisyaratkan tentang perkara seperti ini kepada mana-mana sahabatnya?

(7) Kenapa sesuatu bacaan yang begitu besar fadhilatnya tidak diajar oleh Khadhir sendiri secara terbuka kepada sahabat-sahabat Rasulullah s.a.w. yang lain? Saiyyidina 'Ali sendiri pun secara kebetulan sahaja terdengar dia membaca (mengucapkan) begitu!

(8) Terdapat beberapa juga hadits atau atsar yang menyebutkan nama beberapa orang sahabat yang telah melihat Khadhir dengan mata lendirnya. Antara mereka Abu Bakar, Anas, 'Umar dan 'Ali. Tetapi tidak pernah tersebut pula mereka ada menyebutkan

kepada sahabat-sahabat lain tentang rupa paras Khadhir, supaya senang dikenali jika ditaqdirkan mereka menemuinya. Tidak pernah juga tersebut di dalam mana-mana riwayat sahabat-sahabat yang telah melihatnya itu berbincang sesama mereka tentang Khadhir dan rupa parasnya!

(9) Jangan-jangan ada tersirat di dalam kisah-kisah seperti ini satu serangan dan pencerobohan terhadap salah satu akidah tentang sifat yang wajib ada pada nabi-nabi, termasuk Nabi kita Muhammad s.a.w. iaitu sifat tablighnya. Bagaimana Nabi s.a.w. telah tidak menyampaikan satu doa atau zikir yang begitu besar kelebihannya kepada umat? Tidakkah itu bererti menyembunyikan ajaran Allah?

Contoh Ketiga:

روي عن كرز بن وبرة رحمه الله وكان من الأبدال قال أتاني أخ لي من أهل الشام فأهدى لي هدية وقال يا كرز اقبل مني هذه الهدية فإنها نعمت الهدية فقلت يا أخي ومن أهدى لك هذه الهدية قال أعطانيها إبراهيم التيمي قلت أفلم تسأل إبراهيم من أعطاه إياها قال كنت جالسا في فناء الكعبة وأنا في التهليل والتسبيح والتحميد والتمجيد فجاءني رجل فسلم علي وجلس عن يميني فلم أر في زماني أحسن منه وجهاً ولا أحسن منه ثياباً ولا أشد بياضاً ولا أطيب ريحاً منه فقلت يا عبد الله من أنت ومن أين جئت فقال أنا الخضر فقلت في أي شيء جئتني فقال جئتك للسلام عليك وحباً لك في الله وعندني هدية أريد أن أهديها لك فقلت ما هي قال أن تقول قبل طلوع الشمس وقبل انبساطها على الأرض وقبل الغروب سورة الحمد وقل أعوذ برب الناس وقل أعوذ برب الفلق وقل هو الله أحد وقل يا أيها الكافرون وآية الكرسي كل واحدة سبع مرات وتقول سبحان الله والحمد لله ولا إله إلا الله والله أكبر سبعاً وتصلي على النبي صلى الله عليه وسلم سبعاً وتستغفر لنفسك ولوالديك والمؤمنين وللمؤمنات سبعاً وتقول اللهم افعل بي وبهم عاجلاً وأجلاً في الدين والدنيا والآخرة ما أنت له أهل ولا تفعل بنا يا مولانا ما نحن له أهل إنك غفور حلیم جواد كريم رءوف رحيم سبع مرات وانظر أن لا تدع ذلك غنوة وعشية فقلت أحب أن تخبرني من أعطاك هذه العطية العظيمة فقال أعطانيها محمد صلى الله عليه وسلم فقلت أخبرني بثواب ذلك فقال إذا لقيت محمداً صلى الله عليه وسلم فاسأله عن ثوابه فإنه يخبرك بذلك فذكر إبراهيم التيمي أنه رأى ذات يوم في منامه كأن الملائكة جاءت فاحتلمته حتى أدخلوه الجنة فرأى ما فيها ووصف أموراً عظيمة مما رآه في الجنة قال فسألت الملائكة فقلت لمن هذا فقالوا للذي يعمل مثل عملك وذكر أنه أكل من ثمرها وسقوه من شرابها قال فأتاني النبي صلى الله عليه وسلم ومعه سبعون نبياً وسبعون صفاً من الملائكة كل صف مثل ما بين المشرق والمغرب فسلم علي وأخذ بيدي فقلت يا رسول الله الخضر أخبرني أنه سمع منك هذا الحديث فقال صدق الخضر صدق الخضر وكل ما بحكيه فهو حق وهو عالم أهل الأرض وهو رئيس الأبدال وهو من جنود الله تعالى في الأرض فقلت يا رسول الله فمن فعل هذا أو عمله ولم ير مثل الذي رأيت في منامي هل يعطى شيئاً مما أعطيته فقال والذي بعثني بالحق نبياً إنه ليعطى العامل بهذا وإن لم يرني ولم ير الجنة إنه ليغفر له جميع الكبائر التي عملها ويرفع الله تعالى عنه غضبه ومقته ويأمر صاحب الشمال أن لا يكتب عليه خطيئة من السيئات إلى سنة والذي بعثني بالحق نبياً ما يعمل بهذا إلا من خلقه الله سعيداً ولا يتركه إلا من خلقه الله شقيماً.

Bermaksud: Diriwayatkan daripada Kurz bin Wabarah (m.110H) - beliau adalah salah seorang Abdāl - katanya: "Pernah seorang saudaraku datang kepadaku dari Syam. Dia memberikan satu hadiah kepadaku. Katanya: "Wahai Kurz, terimalah hadiah ini dariku. Sesungguhnya ia adalah sebaik-baik hadiah. Aku berkata kepadanya, "Siapakah yang memberi hadiah ini kepadamu?" Katanya: "Ibrahim at-Taimi memberikannya kepadaku." Aku bertanya, "Tidakkah engkau bertanya dia siapakah yang memberikan hadiah itu kepadanya?" Jawabnya, Kata Ibrahim, "Pernah aku duduk di halaman Ka'bah sambil bertahlil, bertasbih, bertahmid dan memuji-muji Allah. Tiba-tiba ada seseorang memberi salam kepadaku, lalu ia duduk di sebelah kananku. Tidak pernah aku melihat orang yang berwajah lebih cantik daripadanya, lebih cantik pula pakaian daripadanya, lebih putih daripada pakaian yang dipakainya dan lebih wangi daripadanya.

Kataku kepadanya, "Wahai hamba Allah, siapa engkau dan dari mana engkau datang." Orang itu menjawab, "Akulah Khadhir." Aku terus bertanya, "Untuk apa engkau datang kepadaku?" Jawabnya, "Aku datang untuk memberi salam kepadamu, lantaran cintakanmu kerana Allah. Aku ada hadiah yang hendak ku berikannya kepadamu." Aku bertanya, "Hadiah apa?" Katanya, iaitu engkau membaca sebelum terbit matahari, sebelum cahayanya menyinari bumi dan juga sebelum ia terbenam Surah al-Ĥamd (al-Fātiḥah), Mu'awwidzatain, Surah al-Ikhlās, Surah al-Kāfirūn, dan ayat al-Kursi. Setiap satu daripada tujuh kali. Engkau ucapkan **لَا إِلَهَ إِلَّا اللَّهُ وَاللَّهُ أَكْبَرُ** sebanyak tujuh kali. Engkau berselawat pula kepada Nabi s.a.w. sebanyak tujuh kali. Engkau beristighfar pula untuk dirimu, kedua ibu bapamu, orang-orang mu'min laki-laki dan perempuan sebanyak tujuh kali. Dan engkau ucapkan pula **اللهم افعل بي وبهم عاجلاً وأجلاً في الدين والدنيا والآخرة ما أنت له أهل ولا تفعل بنا يا مولانا ما نحن له أهل إنك غفور حلیم جواد كريم رءوف رحيم** (Ya Allah, lakukanlah terhadapku dan mereka segera atau kemudian berhubung dengan ugama, dunia dan akhirat apa yang selayaknya bagiMu. Dan janganlah Engkau lakukan terhadap kami oh Tuhan kami apa yang kami layak mendapatnya. Sesungguhnya Engkau Maha Pengampun, Maha Penyantun, Maha Pemurah, Maha Suka Memberi, Maha Pengasih lagi Maha penyayang) sebanyak tujuh kali.

Ingat! Jangan tinggal mengamalkannya pada (setiap) waktu pagi dan petang." Maka aku pun bertanya, "Bolehkah engkau ceritakan kepadaku siapakah yang telah memberikan hadiah yang istimewa ini?" Jawabnya, "Muhammad s.a.w. telah

memberikannya kepadaku." Aku terus bertanya, "Ceritalah kepadaku tentang pahala membacanya." Katanya, "Apabila engkau bertemu Muhammad nanti, tanyalah dia tentang pahalanya. Dia pasti akan menceritakan kepadamu tentang pahalanya."

Kata Ibrahim at-Taimi, "Pada suatu hari dia berminimpi semacam para malaikat datang kepadanya, lalu membawanya pergi sehingga memasukkannya ke dalam syurga. Dia melihat apa yang ada di dalam syurga, diceritanya juga tentang banyak perkara istimewa yang dilihatnya di dalam syurga." Kata Ibrahim at-Taimi (lagi), "Aku bertanya malaikat, untuk siapakah apa yang dilihatnya itu?" Jawab para malaikat, "Untuk orang yang beramal seperti amalanmu." Ibrahim at-Taimi juga menceritakan bahawa dia telah makan sebahagian daripada buahnya dan mereka memberinya minum minuman syurga."

Tiba-tiba aku didatangi Nabi s.a.w. Bersama baginda datang juga tujuh puluh orang nabi dan tujuh puluh saf malaikat. Setiap saf daripadanya sepanjang di antara timur dan barat. Maka Nabi s.a.w. memberi salam kepadaku dan memegang tanganku. Aku terus berkata, "Wahai Rasulallah, Khadhir memberitahuku bahawa dia telah mendengar hadits ini daripadamu." Rasulullah s.a.w. menjawab, "Benar Khadhir, benar Khadhir. Segala apa yang diceritakannya itu memang benar. Dia orang yang alim di kalangan penduduk bumi. Dia ketua puak Abdāl. Dia adalah antara tentera Allah di bumi."

Aku bertanya lagi, "Wahai Rasulallah, orang yang mengamalkannya tetapi ia tidak melihat seperti apa yang ku lihat ini, adakah akan dikurniakan juga kepadanya seperti apa yang telah dikurniakan kepadaku ini?" Jawab baginda, "Demi Tuhan yang telah mengutuskan aku dengan sebenar sebagai seorang nabi, sesungguhnya akan dikurniakan kepada pengamalnya walaupun ia tidak melihatku dan tidak melihat syurga ini. Sesungguhnya akan diampunkan segala dosa besar yang pernah dilakukannya. Allah s.w.t. tidak akan marah dan murka kepadanya. Allah akan memerintahkan malaikat yang berada di sebelah kiri (untuk menulis kejahatan-kejahatan yang dilakukannya) supaya tidak menuliskan apa-apa dosa yang dilakukannya selama setahun.

Demi Tuhan yang mengutuskan dengan sebenar aku sebagai seorang nabi, tidak akan mengamalkan amalan ini melainkan orang yang memang telah dicipta Allah sebagai

seorang yang bahagia. Dan tidak akan meninggalkannya melainkan orang yang memang telah dicipta Allah sebagai seorang yang celaka.”

Rujukan:

Riwayat yang dikemukakan di atas hanya terdapat di dalam kitab *Iḥyā’ ‘Ulūmiddīn* karangan Imam al-Ghazali dan *Qūṭul Qulūb* karangan Abu Thālib al-Makki. Lihat *Iḥyā’ ‘Ulūmiddīn* j.1 m/s 335-336, *Qūṭul Qulūb* j.1 m/s 17-18.

Komentar:

(1) Riwayat yang dikemukakan sebagai contoh ketiga di atas langsung tiada sanadnya. Kerana itu ia boleh dikatakan satu riwayat yang tiada asal dan asasnya sama sekali. Riwayat itu pula dikemukakan dengan *shīghah tamrīdh* yang menunjukkan kedha’ifannya dan menunjukkan ia adalah satu riwayat yang tidak boleh dipertanggungjawabkan.

(2) Riwayat itu – kalau diterima pun - sebenarnya hanya menceritakan pengalaman mimpi seorang ‘ulama’ (Ibrahim bin Yazid bin Syarīk at-Taimi m.92/94H). Oleh kerana ia dikaitkan juga dengan Rasulullah s.a.w. maka dibincangkan juga tentangnya di sini. Lebih-lebih lagi kerana ia mengandungi kisah beliau bertemu Khadhir secara jaga dekat Ka’bah, lalu Khadhir menghadiahkan kepadanya satu amalan yang katanya diterima daripada Rasulullah s.a.w.

(3) Abu Thālib al-Makki hanya menyebutkan begini sahaja di dalam kitabnya *Qūṭul Qulūb*: روى ذلك سعيد بن سعيد عن أبي طيبة عن كرز بن وبرة قال. Kitab *Qūṭul Qulūb* adalah sebuah kitab yang merupakan rujukan asas dan utama bagi kitab *Iḥyā’ ‘Ulūmiddīn* karangan Imam al-Ghazali. Pada banyak tempat di dalam kitab *Iḥyā’*, apa yang ditulis oleh Abu Thālib dinukilkan sepenuhnya (seratus peratus) oleh al-Ghazali.

Bagaimanapun di sini al-Ghazali tidak merasakan perlu dua nama yang disebut oleh Abu Thālib itu dikemukakan. Beliau hanya mengemukakannya dengan *shīghah tamrīdh* sahaja sambil berkata: Diriwayatkan daripada Kurz...

(4) Al-Ghazali mengikut Abu Thālib yang menjadi rujukannya berkata setelah selesai mengemukakan riwayat di atas, bahawa Ibrahim at-Taimi selalunya tidak makan dan tidak minum selama empat bulan. Agaknya selepas mimpi itu!

(5) Hāfīz al-'Irāqī (m.806H) di dalam kitabnya yang terkenal bernama المغني عن حمل الأسفار في الأسفار telah menulis: "Hadits yang diriwayatkan oleh Kurz bin Wabarah daripada seorang lelaki dari kalangan penduduk Syam daripada Ibrahim at-Taimi bahawa Khadhir telah mengajarnya السبعات العشرة (sepuluh perkara yang dibaca sebanyak tujuh kali setiap satu daripadanya), dan di akhirnya Khadhir berkata, "Muhammad telah memberikannya kepadaku", langsung tiada asal dan asasnya. Tidak ada satu pun hadits sahih tentang Khadhir bertemu atau tidak dengan Nabi s.a.w. dan beliau masih hidup atau telah meninggal dunia."

Perlu diingat apabila para muhadditsīn mengatakan dalam bab ini tidak ada satu pun hadits sahih, maka maksudnya ialah dalam masalah itu tidak ada satu pun hadits yang boleh dijadikan pegangan.

(6) Di dalam al-Qur'an dan hadits terdapat banyak sekali doa-doa, tetapi tidak ada pula tersebut kelebihannya sampai begitu. Bukan sekadar kelebihan biasa disebutkan, malah mengamalkannya dijadikan sebagai penentu bagi kebahagiaan dan kecelakaan seseorang di sisi Allah.

(7) Seperti telah disebutkan pada komentar-komentar yang lalu bahawa kenapa amalan yang begitu istimewa tidak diajar secara langsung oleh Rasulullah s.a.w. sendiri kepada para sahabatnya? Ibrahim at-Taimi bukan seorang sahabat. Amalan ini pula baru diketahui paling awal oleh seorang Tabi'i iaitu Ibrahim at-Taimi. Jadi bagaimana dengan sahabat-sahabat Rasulullah, adakah mereka tidak termasuk dalam orang-orang yang bahagia di sisi Allah, kerana tidak pernah membaca seperti yang tersebut di dalam riwayat ini? Adakah mereka celaka di sisi Allah kerana tidak pernah mengamalkannya?

(8) Walaupun apa yang diajar di dalam riwayat itu supaya diamalkan bukanlah suatu yang salah pada dasarnya, kerana ia tidak lebih daripada membaca beberapa surah al-Qur'an dan zikir-zikir tertentu yang sememangnya ada tersebut di dalam hadits-hadits, tetapi mengamalkannya dengan kaifiat yang khusus pada waktu-waktu tertentu dalam jumlah tertentu tetap memerlukan dalil yang khusus tentangnya. Tanpa dalil ia akan menjadikannya termasuk dalam bid'ah idhāfiyyah. Kerana tidak ada dimukilkan daripada Nabi s.a.w. melalui saluran-saluran riwayat yang sahih atau hasan bahkan dha'if sekalipun, bahawa baginda pernah mengamalkan begitu atau mengajarkannya kepada mana-mana sahabatnya begitu.

(9) Di akhir riwayat berkenaan tersebut Nabi s.a.w. telah bersumpah bahawa orang yang tidak mengamalkannya hanyalah orang yang memang telah dicipta Allah sebagai seorang yang celaka.

Kata-kata seperti ini terang-terang bercanggah dengan prinsip-prinsip ajaran Islam yang sampai kepada umat melalui saluran-saluran yang sah. Amalan seperti itu kalau pun tsabit daripada Rasulullah s.a.w. maka ia hanyalah suatu yang mustahab (elok) sahaja, tidaklah kerana meninggalkannya seseorang patut dihukum sebegitu rupa.

(10) Banyak lagi sebenarnya apa yang tersebut di dalam riwayat itu bercanggah dengan akidah Islam. Antaranya dikatakan, orang yang mengamalkannya semata-mata akan diampunkan segala dosa-dosa besar yang pernah dilakukannya. Allah s.w.t. tidak akan marah dan murka lagi kepadanya, dan malaikat ('Atid) yang ditugaskan mencatat kejahatan yang dilakukan oleh manusia pula diperintahkan supaya tidak menulis kejahatan orang yang mengamalkan amalan itu selama setahun.

Semua ini akan membuatkan seseorang muslim berasa mudah melakukan dosa-dosa besar sekalipun.

(11) Ajaran Islam baik berhubung dengan akidah atau Syari'at tidak terbina di atas mimpi penganut-penganutnya. Apa yang tersebut di dalam riwayat ini hanyalah sebuah mimpi seorang Tabi'i. Ia secara automatik tertolak apabila bercanggah dengan apa yang telah terbukti sebagai agama secara warisan yang sah.

(12) Menurut hukum adat, manusia tidak dapat hidup tanpa makan dan minum selama empat bulan. Cerita-cerita dongeng melampau seperti ini hanya berlegar di kalangan orang-orang sufi, ia hanya boleh didapati di kedai-kedai mereka! Merekalah yang suka sangat menyiarkannya.

Di dalam riwayat yang sah hanya tersebut kisah Abu Dzar ketika mula-mula memeluk Islam, bahawa beliau berada di Masjid al-Ĥarām selama sebulan tanpa makan apa-apa selain minum air Zamzam. Demikianlah tersebut di dalam hadits Sahih Muslim.

Imam Bukhari juga ada meriwayatkan kisah itu. Di dalam riwayatnya Abu Dzar dikatakan hanya minum air Zamzam sahaja ketika berada di Masjid al-Ĥarām, tetapi zahir riwayat berkenaan menunjukkan keadaan itu berlaku selama dua tiga hari sahaja

paling lama pun. Langsung tidak tersebut di dalamnya selama sebulan. (Lihat hadits no:3261).

Kalau diterima pun riwayat Muslim, cuba bandingkan apa yang dialami Abu Dzar dengan apa yang berlaku kepada Ibrahim at-Taimi. Ibrahim at-Taimi langsung tidak makan dan tidak minum apa-apa selama empat bulan. Abu Dzar pula hanya tidak makan dan tidak minum apa-apa selain air Zamzam selama sebulan, sebulan sahaja, itu pun minum juga air Zamzam yang dikatakan oleh Rasulullah sebagai air yang diberkati dan ia (juga) merupakan makanan yang mengenyangkan. (Lihat hadits no:6513).

(13) Kata-kata Abdāl disebutkan sebanyak dua kali di dalam riwayat itu. Agaknya untuk menampung kekurangan dan kedha'ifannya di sudut sanad. Atau untuk meyakinkan pendengar, bahawa cerita ini bukan disebut oleh sembarangan orang. Ia telah diriwayatkan oleh wali abdāl. Siapa pula wali abdāl itu?

Macam-macam pula ta'rifnya diberikan oleh orang-orang sufi. Antaranya ialah yang diberikan oleh Ibnu 'Arabi dan ia juga tersebut di dalam at-Ta'rifāt karangan as-Sayyid Syarīf al-Jurjānī bahawa mereka semuanya tujuh orang (setiap masa). Setiap orang daripadanya yang bermusafir dari sesuatu tempat, akan meninggalkan satu jasad yang menyerupainya, ia (jasad itu) hidup dengan hidupnya, nyata dengan amalan-amalan tubuh asalnya, sehingga tidak ada siapa pun sedar bahawa ia (sebenarnya) tiada di situ. Ia dalam keadaan itu spt hati Ibrahim a.s. Apabila meninggal dunia salah seorang daripada mereka, ia diganti oleh wali lain yang menggantikan tempatnya.

Sesetengahnya pula menta'rifkan abdāl dengan berkata, ia adalah wali yang mempunyai kuasa (kemampuan) untuk menjelma dalam rupanya secara ruhani ketika ketiadaannya di sesuatu tempat, sehingga orang ramai tidak perasan pun bahawa dia tiada di situ. (Lihat al-Jurjānī – at-Ta'rifāt m/s 43, Mu'jam Mushtalahāt al-'Ulūm asy-Syar'īyyah m/s 25).

Abdāl menurut istilah hadits pula ialah kumpulan wali dan orang saleh. Mereka dinamakan begitu kerana mereka adalah pengganti-pengganti atau khulafa' para nabi. Apabila seseorang muhaddits dikatakan sebagai salah seorang abdāl, maka itu menunjukkan ia seorang ahli ibadat atau terkenal dalam kesalehannya. Syihab bin al-Mu'annar al-Balkhi berkata, "Hammaad bin Salamah (m.167H) terbilang sebagai

salah seorang abdāl.” (Lihat Mu`jam Mushthalahāt al-`Ulūm asy-Syar`iyyah m/s 24-25).

(14) Seseengah `ulama' pula (antaranya Ibnu al-Qayyim) menjadikan hadits-hadits yang menyebut tentang abdāl, aqthāb, aghwāts, nuqabā', nujabā, dan autād sebagai tanda kepalsuannya. Yang terbaik antaranya ialah hadits abdāl, itupun tidak sahih juga. Imam Ahmad menganggapnya mungkar. (Lihat al-Manār al-Munīf m/s 136).